

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 24 Julai 2016 12:42
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SEJARAH SINTOK KEBANGGAAN MRSM KUBANG PASU KEDAH



24 JULAI 2016 / 19 SYAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SEJARAH SINTOK KEBANGGAAN MRSM KUBANG PASU KEDAH



ANJUNG TAMU ONLINE: Peninggalan sejarah dan warisan UUM Sintok merupakan aset yang mesti dipertahankan malah dijaga dengan baik sepanjang masa supaya dapat dijadikan sumber rujukan. Bahkan sebagai tatapan kepada generasi akan datang di samping mampu menarik pelancong domestik dan antarabangsa.

Dalam erti kata lain, tetamu yang berkunjung ke universiti di rimba hijau ini pasti dapat merasai tinggalan bersejarah. Jelaslah, sejarah juga mampu mengajak pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kubang Pasu, Kedah berkunjung ke UUM Welcome Centre baru-baru ini.

Bagi UUM Sintok yang menyimpan pelbagai khazanah sejarah, warisan dan peninggalan menjadikannya sebagai pusat rujukan selain berfungsi sebagai lembah ilmu. Ianya penting terutama bagi pelajar dan tetamu yang mahu melihat secara dekat kesan tinggalan sejarah semenjak komunis mendiami kawasan Sintok dahulu.

Manakala Galeri Welcome Centre sudah pastinya menjadi tumpuan mereka untuk mengenali tokoh-tokoh pemimpin UUM, sejarah awal di samping meninjau tempat yang menjadi tarikan untuk dilawati.

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPP) MRSM, Rosmawati Abdul Karim yang berkecimpung dalam bidang sejarah memberi pandangan beliau bahawa,

“Konsep Welcome Centre sebagai kawasan Rehat & Rawat (R & R) dan reka bentuk bangunan dengan ciri-ciri sirih junjung memberi kesan kepada pelajar tentang nilai warisan yang menjadi kebanggaan masyarakat kita”.

“Kombinasi reka bentuk bangunan moden dan tradisional yang diterapkan tidakkan hilang daripada generasi baru dan kekal relevan”,

Ujarnya lagi, “Layanan yang diberikan sangat memuaskan dan maklumat yang disampaikan amat terperinci.

Selain itu, pelajar PRT3 MRSM turut mengambil catatan mengenai kepimpinan UUM, keluasan, tempat-tempat menarik, pokok Sintok serta pokok tiga beradik yang sememangnya dijaga dan dipantau dengan baik bagi mengekalkan keasliannya agar ia tidak rosak dan pupus begitu sahaja.

Turut bersama mereka bagi mempromosi dan memperkenalkan sejarah UUM, Pengarah International Student Support Services Unit (ISSSU), Prof. Madya Dr. Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

